



**PEJABAT KETUA PENDAFTAR
MAHKAMAH PERSEKUTUAN MALAYSIA**

SIARAN AKHBAR
MAJLIS ANGKAT SUMPAH JAWATAN DAN TAAT SETIA
HAKIM MAHKAMAH PERSEKUTUAN DAN HAKIM MAHKAMAH RAYUAN

Majlis angkat sumpah jawatan dan taat setia Hakim Mahkamah Persekutuan dan Hakim Mahkamah Rayuan diadakan pada 25 September 2017 di Istana Kehakiman. Seorang Hakim Mahkamah Rayuan akan mengangkat sumpah sebagai Hakim Mahkamah Persekutuan dan tiga (3) orang Hakim Mahkamah Tinggi akan mengangkat sumpah sebagai Hakim Mahkamah Rayuan.

Hakim Mahkamah Persekutuan

1) YA Dato' Alizatul Khair binti Osman Khairuddin

YA Dato' Alizatul Khair binti Osman Khairuddin dilahirkan pada 22 April 1953 di Ipoh, Perak. Beliau merupakan lulusan Ijazah Sarjana Muda Undang-Undang (Kepujian) dari Universiti Malaya dan Ijazah Sarjana Undang-Undang dari London School of Economics, University of London, United Kingdom.

YA Dato' Alizatul Khair binti Osman Khairuddin memulakan kerjaya beliau sebagai Peguam Persekutuan di Bahagian Penasihat, Jabatan Peguam Negara pada 1976. Sepanjang tempoh perkhidmatan, beliau pernah berkhidmat di pelbagai Bahagian di Jabatan Peguam Negara seperti Penolong Pengarah Biro Bantuan Guaman Selangor, Penasihat Undang-Undang di Kementerian Pendidikan, Peguam Kanan Persekutuan Bahagian Penasihat, Ketua Unit Timbangtara Bahagian Guaman, Ketua Unit Penyelidikan Peguam Kanan Persekutuan Bahagian Guaman dan Penasihat Undang-Undang di Pejabat Penasihat Undang-Undang Negeri Pulau Pinang. Beliau juga pernah berkhidmat sebagai Penolong Kanan Pendaftar di Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur dan Mahkamah Tinggi Ipoh, Perak.

YA Dato' Alizatul Khair binti Osman Khairuddin dilantik sebagai Pesuruhjaya Kehakiman pada 01.05.2003 sehingga 20.12.2004. Beliau kemudiannya dilantik sebagai Hakim Mahkamah Tinggi pada 21.12.2004 sehingga 10.05.2011 dan dilantik sebagai Hakim Mahkamah Rayuan pada 11.05.2011.

Hakim Mahkamah Rayuan

1) YA Dato' Suraya binti Othman

YA Dato' Suraya binti Othman dilahirkan pada 24 April 1958 di Johor Bahru, Johor. Beliau merupakan lulusan Ijazah Sarjana Muda Undang-Undang (Kepujian) dari Universiti Malaya.

YA Dato' Suraya binti Othman memulakan kerjaya beliau sebagai seorang Timbalan Pendakwa Raya di Jabatan Peguam Negara pada 03.05.1982. Sepanjang tempoh perkhidmatan, beliau pernah berkhidmat di pelbagai Bahagian di Jabatan Peguam Negara seperti pernah bertugas sebagai Penasihat Undang-Undang di Kementerian Kerja Raya dan Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos, Peguam Kanan Persekutuan Bahagian Guaman dan Peguam Kanan Penggubal Undang-Undang Parlimen. Beliau juga pernah berkhidmat sebagai Majistret dan Hakim Mahkamah Sesyen.

YA Dato' Suraya binti Othman dilantik sebagai Pesuruhjaya Kehakiman pada 02.10.2006 sehingga 04.09.2007. Beliau kemudiannya dilantik sebagai Hakim Mahkamah Tinggi pada 05.09.2007.

2) YA Datuk Yeoh Wee Siam

YA Datuk Yeoh Wee Siam dilahirkan pada 13 Februari 1953 di Muar, Johor. Beliau merupakan lulusan Ijazah Sarjana Muda Undang-Undang (Kepujian) dari Universiti Malaya.

YA Datuk Yeoh Wee Siam memulakan kerjaya beliau pada tahun 1977 sebagai Peguam Persekutuan di Bahagian Penasihat, Jabatan Peguam Negara. Selanjutnya, beliau pernah bertugas sebagai Majistret di Mahkamah Majistret Johor Bahru, Penolong Kanan Pendaftar di Mahkamah Tinggi Johor Bahru, Peguam Kanan Persekutuan di Kementerian Buruh Malaysia, Penolong Kanan Penggubal dan Timbalan Penggubal Undang-Undang Parlimen di Bahagian Gubalan, Jabatan Peguam Negara. Beliau juga pernah berkhidmat sebagai Ketua Bahagian Perundangan, Peguam Kanan Persekutuan di Kementerian Tenaga Komunikasi dan Multimedia Malaysia dan Pengerusi Mahkamah Perusahaan Malaysia.

YA Datuk Yeoh Wee Siam dilantik sebagai Pesuruhjaya Kehakiman pada 05.01.2009 sehingga 09.08.2011. Beliau kemudiannya dilantik sebagai Hakim Mahkamah Tinggi pada 10.08.2011.

3) YA Dato' Rhodzariah binti Bujang

YA Dato' Rhodzariah binti Bujang dilahirkan pada 05 November 1961 di Bintangor, Sarawak. Beliau merupakan lulusan Ijazah Sarjana Muda Undang-Undang (Kepujian) dari Universiti Malaya.

YA Dato' Rhodzariah binti Bujang memulakan kerjaya beliau sebagai Majistret Kelas Pertama di Mahkamah Majistret Kuching. Sepanjang tempoh perkhidmatan, beliau pernah berkhidmat sebagai Penolong Kanan Pendaftar dan Timbalan Pendaftar/Pegawai Penyelidik di Mahkamah Tinggi Kuching, Pegawai Khas kepada Ketua Hakim Sabah dan Sarawak, Hakim Mahkamah Sesyen dan Pendaftar Mahkamah Tinggi Sabah dan Sarawak.

YA Dato' Rhodzariah binti Bujang dilantik sebagai Pesuruhjaya Kehakiman pada 05.01.2009 sehingga 09.08.2011. Beliau kemudiannya dilantik sebagai Hakim Mahkamah Tinggi pada 10.08.2011.

BERTARIKH 25 SEPTEMBER 2017
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
PEJABAT KETUA PENDAFTAR
MAHKAMAH PERSEKUTUAN MALAYSIA